

ISSUE #61/14 DISEMBER 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



PAPA ZOLA

BUKAN HANYA ANIMASI TAPI
WIRA 'KEBENARAN' ABADI

Papa Zola, Wira Kebenaran Yang Kini 'Mendunia'

Satu minggu sebelum filem ani masi Papa Zola The Movie menakluk pawagam, anak lelaki penulis yang berusia sembilan tahun, Ata, sudah berkali-kali mengingatkan 'mahu menonton Papa Zola'. Kalau belum gaji (sebab filem ini keluar pada 11 Disember, tengah bulan) anak penulis kata 'tidak apa, boleh pakai duit tabung'.

Dan pada hari pertama Papa Zola The Movie masuk pawagam, sebelum ke sekolah pagi hari, dia pesan 'balik nanti nak tengok Papa Zola'. Permintaannya ditunaikan tuntas. Bahagia tak terperi.

Pendek ulasannya saat ditanya: "Best tak Papa Zola"? Jawabnya: "Best mak. Tapi Papa Zola buat Ata kasihan pada abah. Ayah penat cari duit jadi kita kena ingat jasa Ayah."

Ironi, Papa Zola The Movie adalah sebuah animasi. Biasanya jika filem bersifat animasi, penonton mahu ke pawagam untuk menonton 'super power', berfantasi dan memasang angan ingin menjadi seperti adi wira kesayangan yang ditampilkan.

Animasi juga tidak wujud secara manusiawi tetapi pengarah, Nizam Razak menyuntik elemen hidup dengan emosi beragam ; empati, gembira, sedih, pengajaran dan pengalaman yang dikutip daripada kehidupan sebenar kita. Ia mengangkat naratif perjuangan seorang bapa.

Kelahiran salah satu karakter yang mencuri perhatian saat BoBoiBoy diperkenalkan lebih sedekad lalu, Papa Zola sangat melekat dalam kalangan peminat.

Papa Zola adalah watak seorang lelaki berbadan sasa, bermisai tebal dan terkenal dengan laungan 'kebenaran'. Dengan karakter ke-bapa-an yang tegas namun terkadang keanak-anakkan, ironi ramai yang masih tidak tahu tentang asal usul lelaki yang diperkenal dengan seragam sut biru ala superman, lengkap dengan topeng mata merah dan tali pinggang emas yang mempunyai lambang seakan pelek kereta "P" pada kancingnya itu.

Dan kerana sambutan yang cukup menggalakkan dalam kalangan peminat, penerbit MONSTA bersama Astro Shaw buat julung kali mengetengahkan watak Papa Zola secara tunggal. Kini, Papa Zola menerima impak besar dan 'glamor' sama seperti BoboiBoy lewat filem pertama yang diberi judul Papa Zola The Movie.

Sudah beberapa hari membuat pawagam penuh dengan emosi, apa kata kita semak beberapa trivia menarik Papa Zola sebelum anda ke pawagam.





Trivia Papa Zola

Papa Zola adalah watak penolong dalam siri Boboiboy. Watak Papa Zola pertama kali diperkenal pada musim pertama. Dia merupakan watak dalam permainan videonya sendiri iaitu , Papa Zola 5: Kebenaran di Lorong Kegelapan sebelum masuk ke dunia nyata. Selain menjadi adi wira, Papa Zola mempunyai pekerjaan sebagai guru Matematik dan Pendidikan Jasmani di Sekolah Rendah Pulau Rintis.

Papa Zola yang mempunyai hobi berswafoto dan melayari Spacebook sudah berkahwin. Isteri Papa Zola dikenali sebagai Mama Zila sementara anak perempuan mereka, Pipi Zola. Pipi Zola mempunyai nenek yang dikenali sebagai Nekpi.

Papa Zola juga mempunyai beberapa nama lain. Ia adalah Kebenaran, Papadil, Kapten Kebenaran, Papayam. Berbeza daripada tema Shonen Boboiboy atau konsep Bad Robot of The Day, Papa Zola The Movie menampilkan watak dewasa dengan dirinya menjalani kehidupan seharian yang sarat emosi disulam dengan aksi mendebarkan.

Sekutu Papa Zola adalah Geng BoBoiBoy, Sekolah Rendah Pulau Rintis, Tok Aba dan Boboiboy Kokotiam, TAPOPS serta Akademi Pulau Rintis.

Papa Zola dikenali dengan kuasa Manipulasi Gravitasi dan dalam Papa Zola The Movie, humor moden yang dekat dengan generasi baharu iaitu Gen-Zola pasti membuat penonton terhibur.

Papa Zola memang popular. Kalau tidak percaya, semak fakta yang satu ini. Dua video pendek Papa Zola pernah mencatat tontonan tertinggi iaitu Bila Papa Zola Goreng Telur dengan 680 juta tontonan dan Terpaling Puasa (239 juta tontonan) .

Jadi rugi kalau anda terlepas menyaksikan Papa Zola The Movie di pawagam berhampiran. - MALIAH SURIP



Ezwan Enggan Isteri Dilabel 'Throphy Wife', Erra Kata: "Saya Tak Mahu Jadi Tugu"

Kebahagiaan sedang melimpah ruah umpama air sungai yang mengalir tanpa henti buat dua individu yang selamat bersatu sebagai suami isteri, Erra Fazira dan Ezwan Zain.

Pasangan sama cantik sama padan itu sah menikah pada 12 Disember 2025 sekitar pukul 9.19 pagi dengan Erra menerima sepokok bunga emas yang bergantung 24 keping mata wang dinar, cincin Cartier dan barangan mewah lainnya.

Erra pada majlis pernikahannya di Rinjani Majestic itu telah diratukan oleh suami dengan penuh rasa cinta. Menurut Erra, tidak seperti dua perkahwinan sebelum ini, beliau tidak terlibat dengan urusan majlis pernikahan mereka.

"Semua diuruskan Ezwan, saya datang bawa diri," kata Erra sebelum disambung Ezwan: "Saya uruskan semua sebagai satu kejutan buat Erra."

Melihat bagaimana Ezwan, 44, sangat menyantuni dan meratukan primadona filem alaf baharu ini, adakah usaha tersebut dilakukan kerana telah berjaya menjadikan Erra, 51, yang cukup popular sebagai haknya?

Malah ada kata-kata nakal mengatakan Ezwan yang merupakan seorang duda satu anak sejak sembilan tahun lalu telah berjaya menikahi seorang 'throphy wife' yang menjadi dambaan lelaki.

Tidak bersetuju menggelar isterinya sebagai 'throphy wife' Ezwan sebaliknya memberitahu niat menikahi Erra kerana Allah dan mahu hidup harmoni bersama wanita yang telah menjadi sebahagian tulang rusuk kirinya kini.

"Tiada istilah throphy wife dan saya tidak pernah anggap Erra sebagai trofi. Macam saya cakap sebelum ini saya tidak kenal Erra (artis).

"Tapi sejak pertama kali jumpa Erra, saya tak sangka seorang Erra Fazira ini penuh dengan kesederhanaan dan santai. Kami menikah niat kerana Allah dan mahu hidup harmoni bersama anak-anak," kata Ezwan.


Erra juga enggan dilabel sebagai throphy wife. Katanya: "Throphy wife itu bunyinya negatif. Dan saya pun tak mahu jadi trofi kerana ia seperti 'tugu' yang tidak boleh memberi pendapat atau berkongsi dengan suami.

"Kami mahu bersama-sama dan saya ingin merealisasikan istilah 'sedaging' yang Ezwan beritahu sebelum kami berkahwin.

"Saya fikir apa maksud 'sedaging' rupanya ia tentang kefahaman dan keharmonian yang kami bakal bina menerusi niat menikah kerana Allah. Doakan kami."

Kini bertatih semula membina rumah tangga, Erra saat ditanya media mengenai panggilan buat Ezwan setelah menjadi isteri, malu-malu menjawab.

"Saya panggil sayang. Nampak old school tapi saya rasa manis," katanya. - MALIAH SURIP





SINOPSIS PANGKU

Pangku mengisahkan Sartika (Claresta Taufan), wanita muda hamil yang meninggalkan kampung halamannya untuk mencari hidup baru di Pantura. Dalam perjalanan, dia ditolong Bu Maya (Christine Hakim) yang menampung dan membantunya melahirkan, namun kebaikan itu bertukar jerat apabila Sartika dipaksa bekerja sebagai pelayan kopi pangku. Terperangkap dalam rutin yang memalukan dan diburu pandangan masyarakat, Sartika berusaha tetap menjadi ibu yang baik. Di warung itu, dia bertemu Hadi (Fedi Nuril), pemandu lori yang melihat ketulusan dirinya tanpa menghakimi masa lalu. Sokongan Hadi membuatkan Sartika berani menentang sistem yang menindasnya dan mencari jalan keluar daripada kehidupan gelap yang menjeratnya.

5 Fakta Menarik Tentang Pangku

1. Debut Reza Rahadian sebagai Pengarah

Pangku ialah filem panjang pertama Reza Rahadian sebagai pengarah, diinspirasi daripada pengalamannya melihat realiti warung kopi pangku ketika penggambaran di Pantura pada 2020.

2. Kejayaan di Busan International Film Festival

Filem ini meraih empat anugerah di BIFF 2025, termasuk Face of the Future Award dan FIPRESCI Award.

3. Tujuh nominasi di FFI 2025

Pangku menerima tujuh pencalonan di Festival Filem Indonesia, antaranya Filem Terbaik, Pelakon Utama Wanita Terbaik dan Skenario Asli Terbaik.

4. Ketegasan Reza di set penggambaran

Fedi Nuril berkongsi bahawa Reza ialah pengarah yang tegas tetapi sentiasa bersebab dan gaya kerjanya membantu seluruh pasukan fokus serta berdisiplin.

5. Barisan pelakon berkaliber

Selain pelakon utama, filem ini turut menampilkan Christine Hakim, Lukman Sardi dan Happy Salma yang menambah kekuatan emosi karya tersebut.



Punchline Luar Biasa, Nanas Juara Muzikal Lawak Superstar 5! Bawa Pulang Wang Tunai RM150,000

Kumpulan Nanas dinobatkan sebagai juara Muzikal Lawak Superstar 5 (MLS5) sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM150,000 berserta trofi.

Kumpulan yang dianggotai oleh Achey, Namie dan Shashic yang turut menjemput pelawak Bell Ngasri sebagai artis jemputan mendapat markah tertinggi.

Manakala kumpulan Roda yang dianggotai oleh Fad, Sharif dan Naqiu mendapat markah mendapat tempat kedua, menerima hadiah wang tunai RM75,000 berserta trofi.

Seterusnya satu-satunya kumpulan wanita iaitu Kimbab yang dianggotai Zulin Aziz, Nasz Sally dan Maryam Kimchi di tempat ketiga membawa pulang RM50,000 serta trofi.

Kumpulan Puteh yang dianggotai Ali Puteh, Mamak Puteh dan Aretoy pula menerima hadiah wang tunai RM25,000 serta trofi. Ahli kumpulan Nanas iaitu Namie memenangi anugerah Superstar Paling Gempak MLS5.

Finalis MLS5 diadili 70 peratus oleh juri tetap manakala 30 peratus lagi undian daripada penonton awam. MLS5 dihoskan oleh pengacara versatil, Datuk AC Mizal manakala Datuk Aznil Hj Nawawi, Zizan Razak dan Bella Astillah diberi tanggungjawab sebagai juri tetap.



Pengarah: Muhadkly Acho
Pelakon: Bene Dion Rajagukguk, Oki Rengga, Indra Jegel, Boris Bokir
Genre: Komedi/Misteri

Selepas berulang kali gagal melaksanakan misi, Detektif Bene, Boris, Jegel dan Oki diberi satu peluang terakhir untuk menyamar dan menyusup masuk ke rumah jagaan warga emas bagi mencari suspek yang terlibat dalam kes pembunuhan anak kepada datuk bandar.



Pengarah: Bebbra Mailin
Pelakon: Joveneia Jim, Eliana Tati, Edward Sinsong
Genre: Drama/ Kekeluargaan

Ninavau, wanita Kadazan yang menetap di Semenanjung Malaysia, pulang ke kampung halamannya di Sabah untuk menghadiri majlis perkahwinan adiknya. Keluarganya yang berpegang teguh kepada tradisi dan komuniti mereka, menganggap Ninavau sebagai kebanggaan mereka. Bagaimanapun, Ninavau pulang dengan sebuah rahsia dan perubahan yang disimpan erat.



Pengarah: Jared Bush, Byron Howard
Pelakon: Jason Bateman, Ginnifer Goodwin, Ke Huy Quan, Fortune Feimster
Genre: Animasi/Komedi

Detektif Judy Hopps dan Nick Wilde berada di jejak penuh teka teki apabila seekor reptilia misteri muncul di Zootopia dan mengukir kacirakan seluruh bandar mamalia itu. Untuk menyelesaikan kes tersebut, Judy dan Nick perlu menyamar di kawasan baharu di mana kerjasama yang semakin kukuh antara mereka diuji pada tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini.

Johan & Mikael Ghazali Kuasai Carta GMW, 'Lebih Indah Berpisah' & 'Hilang Dalam Rindu' Kekal

Carta Gempak Most Wanted (GMW) minggu ini menyaksikan lagu 'Lebih Indah Berpisah' oleh Bella Astillah dan Ade Govinda melonjak ke tempat pertama, diikuti Misha Omar melalui Break.


Arena kreator digital pula dikuasai nama besar seperti Che Sayang Kitchen dalam kategori Foodie, adik-beradik Johan dan Mikail Ghazali dalam kategori Sukan, serta Cuna yang terus mendahului dalam kategori Beauty & Fashion.

Untuk muzik video, P. Ramlee dan Saloma dari ALPHA meraih kedudukan No. 1. Di layar drama, Hilang Dalam Rindu pula memonopoli tontonan dan selebriti trending pula masih dipimpin oleh Tracie Sinidol.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Lagu Trending

1. Lebih Indah Berpisah - Bella Astillah & Ade Govinda
2. Break - Misha Omar
3. Peluk - Hael Husaini & Nadeera
4. Arah Cinta Sejati - Fadhilah Intan & Aina Abdul
5. Seperti Dulu - Insomniacks

TOP 5 Digital Creator Trending (Foodie)


1. Che Sayang Kitchen
2. Capikkkkkk
3. Mira Burger
4. Tee Food
5. Syiqin Azrin

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)

1. Johan Ghazali
2. Mikail Ghazali
3. Dibo
4. Tan Boon Heong
5. Danial Bogers

TOP 5 Digital Creator Trending (Beauty & Fashion)

1. Cuna
2. Eima Safuan
3. Sandra Hanayu
4. Nana Lee
5. Allysha





Gelombang ‘Kebenaran’ Melanda KL! Ribuan Sertai Kebena-RUN 2025 Sempena Papa Zola The Movie

Bersempena tayangan Papa Zola The Movie di pawagam seluruh Malaysia dan Brunei mulai 11 Disember 2025, MONSTA dan Astro Shaw dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta KL Car Free Morning menganjurkan acara larian Kebena-RUN 2025 pada 7 Disember lalu.

Acara ini turut menyaksikan pelancaran rasmi larian Kebena-RUN di Kuala Lumpur iaitu lokasi “penggambaran” Papa Zola The Movie, yang menjadi inspirasi kepada visual dan dunia filem tersebut.

Acara larian sejauh 5km ini bermula dengan sesi memanaskan badan pada jam 6.45 pagi, diikuti flag-off pada pukul 7.00 pagi.

Pengarah filem, Nizam Razak berharap agar Papa Zola The Movie dapat menghiburkan peminat lama, terutama mereka yang membesar dengan BoboiBoy, dan membawa animasi tempatan ke lebih banyak negara.

"Kami mengharapkan filem ini dapat menghiburkan seluruh keluarga terutama pada Genzola, iaitu mereka yang setia membesar bersama Boboboy sejak dahulu lagi. Saya harap dapat meraih kutipan yang sangat banyak di dalam mahupun luar negara. Kita juga bakal tayangkan di Indonesia, India, Arab Saudi, Kuwait dan Vietnam," katanya.





Astro Angkat 10 Pendakwah Muda! Neelofa Antara Juri & Haris Ismail Jadi Hos Program Mualim Muda

Setelah hampir sedekad tanpa program realiti Islamik, Astro kembali dengan rancangan baharu yang segar dan relevan, 'Mualim Muda'.

'Mualim Muda' berfungsi sebagai platform strategik untuk membantu generasi muda mengekalkan asas kepercayaan agama sambil menyesuaikan diri dengan cabaran kehidupan moden.

Inisiatif ini menegaskan peranan Astro dalam menghasilkan kandungan yang bukan sahaja menghibur, tetapi membina daya tahan masyarakat dan memperkukuh ekosistem kreatif negara.

'Mualim Muda' menampilkan pendakwah bebas Datuk Ustaz Kazim Elias, Dr. Kamilin Jamilin dan juga pelakon, Neelofa sebagai juri program.

Sementara itu, Ustaz Shahrizan Daud akan menjadi Mursyid (Pengetua) bagi program ini, membimbing serta memberi motivasi kepada para peserta.

Gandingan selebriti 'Pencetus Ummah' iaitu Haris Ismail (PU Riz), dan juga penyanyi nasyid, Fakhrul UNIC pula diberi tanggungjawab mengemudi pentas sebagai hos program.

Seramai 10 peserta telah dipilih menerusi sesi uji bakat.

Mualim Muda yang dipilih adalah Iddin, 28, Zaimi, 22, Izzat, 34, Luqman, 29, Anas, 35, Ashraf, 28, Shamsul, 25, Iman, 25, Saad, 28, dan Amar, 31.

Antara tugas teras dalam 'Mualim Muda' ialah kebolehan menyampaikan tazkirah dengan berkesan berdasarkan pengetahuan agama, kemahiran kepimpinan, dan komunikasi.

Mualim Muda' bakal bersiaran secara serentak mulai 19 Disember, jam 9 malam, di Astro Oasis (saluran 106) dan Astro Prima (saluran 105), serta turut boleh distrim secara On Demand di Astro GO dan sooka.

Program ini boleh strim program ini secara On Demand di Astro GO dan sooka.





Astro Home Of Live Tanda Hargai Sokongan Peminat, 'Hello Putrajaya' Berlangsung Meriah!

Astro terus memperkukuh kedudukannya sebagai peneraju hiburan langsung negara melalui platform strategik 'Home of Live'. 'Astro Home Of Live' menghimpunkan konsert, program realiti, acara khas serta aktiviti fizikal dan digital di bawah satu ekosistem secara menyeluruh.

Antaranya selebriti yang hadir adalah Elite, Mendua, Mark Adam, Nubhan, Iskandar Ismail, Ruri Repvblik (Gegar Vaganza 12), Naqiu, Iaman dan Saputra (The Chosen One XTRA), Mazleen (Juara Kilauan Emas 2025), Auddra, Sharifah Shahira, Amad dan Siti Sairah (Talk To My Manager), ALPHA (Big Stage Alpha), Zuana (Raise The Star Malaysia), Alvin Chong dan Nicole Lai (Astro Star Quest), V-Haara (Attam), dan ramai lagi.

Showcase ini dianjurkan untuk menghargai peminat dengan memberikan pengalaman lebih dekat melalui persembahan, interaksi dan aktiviti menarik, termasuk penampilan awal artis yang bakal mewarnai 'Konsert Countdown KITA 2026'.

'Hello Putrajaya' turut berkolaborasi dengan VIU yang menampilkan sesi meet & greet drama hit 'Satu, Dua... Dia?' bersama barisan pelakon utama, secara eksklusif untuk pelanggan Astro melalui Astro Rewards. Acara ini telah pun berlangsung pada 6 Disember lalu di Symphony East 3, Aras G, IOI City Mall Putrajaya sebagai pemanas suasana menjelang malam 'Konsert Countdown KITA 2026'.



Masih Pertahan Gelaran, M.Nasir Dinobatkan Pencipta Dengan Pendapatan Tertinggi 2025 - "Saya Rasa Lebih Ramai Yang

”
...

Komposer, Datuk M.Nasir sekali lagi mengekalkan kedudukannya sebagai Pencipta Dengan Pendapatan Tertinggi di Anugerah Badan Perlindungan Hak Cipta Muzik Berhad (MACP) 2025.

"Terima kasih MACP untuk anugerah ini dan saya bersyukur kerana sering menerima pengiktirafan ini. Namun, dalam hati saya, saya merasakan lebih ramai orang yang perlu memberikan saingan pada saya,"katanya.

Dengan membawa tema 'Biar Rare, Baru Real', MACP 2025 mempertandingkan 11 kategori antaranya Lagu Melayu Persembahan Tertinggi, Lagu Cina Persembahan Tertinggi, Lagu Tamil Persembahan Tertinggi dan banyak lagi. Majlis tersebut turut menampilkan persembahan daripada barisan artis popular tanah air termasuklah Ella, Firdhaus, Zubir Khan, Ezad Lazim dan ramai lagi.

Bertuah! Peminat Malaysia Jadi Yang Pertama Lihat Persembahan Eksklusif Album Retrospektif Afgan

Penyanyi, Afgan memberikan pengalaman cukup bermakna buat peminat di Malaysia dengan mempersembahkan kesemua lagu daripada album terbaharunya berjudul Retrospektif.

Jelas Afgan atau nama sebenarnya Afgansyah Reza, 36, Kuala Lumpur dipilih sebagai lokasi pertama untuknya memperdengarkan keseluruhan karya dalam album itu secara langsung kepada peminat.

"Retrospektif adalah album bahasa Indonesia selepas tujuh tahun saya tidak merakamkan album berbahasa Indonesia. Saya gembira dapat kembali ke Malaysia. Saya akan menyanyikan kesemua lagu dalam album baru ini buat pertama kalinya hanya di Kuala Lumpur.

"Di Jakarta pun belum ada, jadi anda semua dapat mendengar secara eksklusif untuk album ini. Ia bermakna anda semua sangat istimewa buat saya," katanya.

Konsert yang menghimpunkan ratusan peminat setia itu berlangsung dengan penuh emosi apabila setiap lagu daripada album Retrospektif dipersembahkan dengan susunan muzik yang lebih segar dan bertenaga.

Pentas Zepp Kuala Lumpur juga diserikan dengan permainan cahaya dramatik serta visual artistik, menjadikan keseluruhan persembahan terasa seperti sebuah perjalanan muzikal yang membawa penonton menyelami makna album tersebut.

Lebih menarik Afgan juga sempat menjemput seorang peminat bertuah naik ke pentas selepas membaca permintaannya untuk mendapatkan ucapan hari lahir.

Suasana dewan gamat dengan sorakan apabila peminat lelaki itu berpeluang berinteraksi secara dekat dengan idolanya.

Tidak berhenti disitu, Afgan juga sempat mengambil telefon peminat secara spontan untuk merakam detik istimewa bersama buat mereka secara tak langsung menambah keintiman persembahan malam itu.



Misha Omar, Ratu Pop Balada Yang Tidak Pernah Gagal Menggetarkan Jiwa

Misha Omar membuktikan statusnya sebagai pejuang sejati dan Ratu Pop Balada melalui Konsert DiA Misha Omar di Megastar Arena Kuala Lumpur, di mana kisah awalnya bersama Allahyarham Datuk Adnan Abu Hassan mengungkapkan bahawa magis 'rasa' dalam suaranya adalah aset sebenar yang membezakannya.

Dengan susunan muzik mantap, persembahan vokal penuh emosi serta deretan lagu balada ikonik yang disampaikan sempurna, Misha menunjukkan kehebatan bakat tempatan yang berkualiti tinggi.


Malam sederhana namun megah itu menjadi saksi karier dua dekad yang dibina dengan dedikasi, merangkumkan Misha sebagai permata seni yang wajar diangkat dan diraikan. - MALIAH SURIP

Sama Sama Tur Harmoni Lima Jiwa

Sama Sama Tur di Idea Live Arena menghadirkan pengalaman dua jam setengah yang terasa singkat apabila lima pemuzik hebat Dere, Idgitaf, Tulus, Sal Priadi dan Kunto Aji bersatu di pentas tanpa perlu bersaing atau menenggelamkan satu sama lain.

Persembahan mereka harmoni, penuh jiwa dan diperkuat oleh penataan pentas yang indah, kolaborasi silang lagu yang menghipnotis serta himpunan tembang popular yang disampaikan dengan sempurna.

Tur eksklusif ini bukan sekadar pertunjukan artis popular tetapi sebuah kelas muzik terbuka yang meninggalkan kesan mendalam dan membuat penonton jatuh cinta terhadap keikhlasan, silaturahmi serta keindahan muzik yang dibawa bersama. - MALIAH SURIP



Mdno

@dodosentosso 

Masih Boleh Kerja & Senyum Tak Semestinya Anda Baik-Baik Sahaja, Kenali Apa Itu High Functioning Depression

Pernahkah anda merasakan diri mampu menjalani rutin harian seperti biasa namun dalam masa sama anda sebenarnya tidak berada dalam keadaan baik?

Menurut pempengaruh media sosial, Muhammad Noor Zakaria situasi itu mungkin petanda seseorang itu sedang mengalami High Functioning Depression iaitu satu bentuk kemurungan yang sering tidak disedari.

Jelasnya, individu yang mengalami keadaan ini kelihatan masih mampu bekerja, pulang ke rumah, ketawa, meluangkan masa bersama keluarga dan rakan-rakan, malah aktif di media sosial. Namun, semua itu tidak semestinya mencerminkan apa yang dirasakan di dalam diri.

"Ramai ingat kalau seseorang itu masih boleh pergi kerja, balik kerja, gelak-gelak dan aktif di media sosial, maknanya dia okey. Tapi sebenarnya tak semestinya," jelasnya.

Muhammad Noor atau lebih mesra disapa Mdno menjelaskan bahawa High Functioning Depression mempunyai persamaan dengan kemurungan biasa, namun perbezaannya ialah individu masih mampu berfungsi seperti biasa dalam kehidupan seharian.


Justeru, keadaan ini menjadikannya lebih sukar untuk dikesan. Mdno turut berkongsi empat simptom utama yang perlu diberi perhatian:

1. Hilang minat terhadap perkara yang dahulu disukai. Aktiviti atau hobi yang sebelum ini memberi kegembiraan kini terasa hambar dan tidak lagi menarik.
2. Gangguan tidur dan keletihan berpanjangan. Individu mungkin sukar tidur malam, atau walaupun sudah cukup rehat, tetap berasa letih dan lesu keesokan harinya.
3. Mudah marah terhadap perkara kecil. Emosi menjadi tidak stabil dan reaksi terhadap situasi remeh menjadi berlebihan.
4. Rasa kosong dalam diri walaupun kehidupan dilihat lengkap di mata orang lain seperti mempunyai keluarga, anak-anak, kerjaya dan harta. Individu tetap merasakan kekosongan emosi yang sukar dijelaskan.

Tambahnya, individu yang mengalami keadaan ini sering disalah tafsir, malah ada yang mengaitkannya dengan kurang ibadah. Masalah utama untuk mengesan masalah ini adalah individu yang mengalami keadaan ini tidak menyedarinya, kerana mereka merasakan diri masih mampu menjalani kehidupan seperti biasa atau sekadar menganggap diri terlalu penat.

Hakikatnya, ia merupakan sebahagian daripada mental exhaustion yang jika dibiarkan berisiko membawa kepada kemurungan yang lebih serius. Sehubungan itu, Mdno menyeru orang ramai, khususnya mereka yang tinggal di bandar dan hidup dalam tekanan tinggi agar tidak memandang ringan simptom-simptom tersebut.

"Kalau rasa ada tanda-tanda ini, tolong sangat-sangat pergi jumpa kaunselor atau doktor. Jangan rasa segan silu. Jangan tunggu sampai terlambat, sampai kita dah tergelincir dan masuk ke tahap gangguan mental, baru nak berubat," nasihatnya.





Globe-Trotting Babysitter From Malaysia

Farhah Sidek, a 26-year-old Malaysian babysitter, travels the world for work, caring for children in countries like England, Dubai, Singapore and Indonesia.

She chose this flexible career after COVID-19 and learned valuable skills through challenging experiences, including long hours with little rest.

Farhah says babysitting requires patience, responsibility and emotional intelligence. Her personalised approach has earned praise from families, and she hopes more young people will explore this career path.




MOH Bans Breast, Buttock Fillers & IV Vitamin C

Malaysia's Ministry of Health has officially banned breast fillers, buttock fillers and IV vitamin C drips, stating that these procedures are illegal due to high health risks.

The decision follows increasing reports of complications such as infections, allergic reactions, filler migration and unsafe practices carried out by unqualified individuals.

The ministry urges the public to only seek treatments from licensed medical professionals and to be aware of which procedures are legally approved to ensure their safety.



Perodua Launches Malaysia's First Homegrown EV

Perodua has officially launched its first electric vehicle (EV), the Perodua QV-E, priced at RM80,000 (excluding battery and insurance), marking a major milestone as Malaysia's first fully homegrown EV.

The launch supports the development of the local EV ecosystem and was officiated by the Prime Minister. The QV-E is built with a 52.5 kW battery that offers up to 445 km range (NEDC) and introduces a Battery-as-a-Service model where the battery is leased separately to reduce upfront cost and provide peace of mind.

Perodua plans to boost production to meet demand and aims to expand local component sourcing in the coming years.